

KOLEJ KEDIAMAN

Kehidupan kampus di kolej-kolej kediaman merupakan satu bentuk pengalaman yang unik dan menarik. Pihak pengurusan kolej-kolej kediaman sentiasa cuba memberikan kemudahan-kemudahan yang terbaik bagi membentuk persekitaran kediaman yang memuaskan. Persekitaran di kolej-kolej kediaman yang baik mampu memberi peluang kepada pelajar-pelajar untuk bersosial dan membina potensi diri dengan melibatkan diri dengan pelbagai bentuk aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh pihak pengurusan kolej-kolej kediaman. Ini merupakan usaha pihak pengurusan kolej-kolej kediaman

dalam membentuk serta memberi penambahbaikan dalam diri pelajar-pelajar.

Demi memantapkan pentadbiran, UniMAP menerusi pihak pengurusan kolej-kolej kediaman menawarkan badan perwakilan pelajar iaitu MPP dalam usaha untuk memberi bantuan dari segi sokongan kepada pelajar-pelajar terutama yang mengalami masalah.

Penglibatan semua pelajar termasuk pelajar-pelajar yang kurang upaya dalam kehidupan kampus merupakan satu lagi cabaran kepada pihak pengurusan kolej kediaman. Usaha mempertingkat dan menyempurnakan kemudahan-kemudahan yang sedia ada amat penting. Usaha sebegini dapat memberi peluang kepada golongan tersebut untuk meneroka potensi dan keupayaan diri mereka dengan lebih baik. UniMAP sentiasa mempertingkatkan usaha menyediakan pelbagai kemudahan, perkhidmatan sokongan dan seumpamanya kepada semua pelajar-pelajar terutamanya di kolej-kolej kediaman.

Kolej Kediaman UniMAP

- | | | |
|-----|---|---|
| KKA | - | Kolej Kediaman Tunku Abdul Rahman,
Taman Aman, Kangar |
| KKB | - | Kolej Kediaman Tun Abdul Razak,
Kampung Wai, Kuala Perlis |
| KKC | - | Kolej Kediaman Tun Hussein Onn,
Kampung Wai, Kuala Perlis |
| KKD | - | Kolej Kediaman Tun Dr. Mahathir,
Kampung Wai, Kuala Perlis |
| KKE | - | Kolej Kediaman Tun Dr. Ismail,
Taman Semarak, Kuala Perlis |
| KKF | - | Kolej Kediaman Tun Ghaffar Baba,
Taman Semarak, Kuala Perlis |
| KKG | - | Kolej Kediaman Tan Sri Aishah Ghani,
Wang Ulu, Bintong |

